

INSTRUMENT DEVELOPMENT OF THE EFFECTIVENESS OF ISLAMIC POST-MARRIAGE COURSES ON HUSBAND-WIFE RELATIONSHIPS IN SELANGOR

PEMBANGUNAN INSTRUMEN KEBERKESANAN KURSUS PASCA PERKAHWINAN ISLAM TERHADAP PERHUBUNGAN SUAMI ISTERI DI NEGERI SELANGOR

Nur Faezah Musthaparⁱ, Mohd Rizal Muwazirⁱⁱ & Bahiyah Ahmadⁱⁱⁱ

ⁱ Pelajar PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, faezahmusthapar@gmail.com

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, mrmkl@um.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bahiyah_api@um.edu.my

Abstract	<p><i>This study aims to develop a measurement instrument assessing the effectiveness of Islamic post-marriage courses among married couples in Selangor. The Islamic Post-Marriage Course is implemented to re-strengthen the relationship between husband and wife and reduce divorce cases in Malaysia. The questionnaire instrument was developed by adapting the Kirkpatrick model, which includes four variables: reaction variables, learning variables, behaviour variables, and outcome variables. The steps in the development of the effectiveness of the Islamic post-marriage course instrument on marital relations include the construction of questionnaire items, expert validation, and pilot studies to obtain the validity and reliability of the questionnaire. The results of the statistical analysis for the pilot study show that the overall Cronbach Alpha value for the questionnaire items is .871 which is at an acceptable level (acceptable reliability). The findings of this study found that the questionnaire that has been constructed can be administered to the real sample because all the elements of the items tested through the pilot test have passed the value of alpha coefficient $\alpha = >.60$. The results of this study can be used as a guide for the Islamic Religious Development Department (JAKIM) in making improvements to the Islamic Post-Marriage Integrated Module and the implementation of courses in the State Islamic Religious Department. This also helps husbands and wives build <i>sakinah, mawaddah, and rahmah</i> in their families.</i></p> <p><i>Keywords: Development, Instrument, Effectiveness, Courses, Post-Marriage.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini bertujuan untuk membangunkan instrumen pengukuran tentang keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam dalam kalangan pasangan suami isteri di Negeri Selangor. Kursus Pasca Perkahwinan Islam dilaksanakan bertujuan untuk mengukuhkan semula hubungan suami isteri dan mengurangkan kes penceraian di Malaysia. Instrumen soal selidik dibangunkan dengan mengadaptasi model Kirkpatrick yang merangkumi empat pembolehubah iaitu pembolehubah reaksi, pembolehubah pembelajaran, pembolehubah tingkah laku dan pembolehubah hasil. Langkah-langkah pembangunan instrumen keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam terhadap perhubungan suami isteri merangkumi pembinaan item soal</i></p>

selidik, pengesahan pakar dan kajian rintis untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Hasil analisis statistik bagi kajian rintis menunjukkan bahawa nilai keseluruhan Cronbach Alpha bagi item soal selidik adalah .871 yang berada pada tahap yang boleh diterima (acceptable reliability). Penemuan kajian mendapati bahawa soal selidik yang telah dibina boleh ditadbir kepada sampel sebenar kerana keseluruhan elemen item yang diuji melalui ujian rintis telah melepasi nilai pekali alpha $\alpha = >.60$. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM) dalam membuat penambahbaikan Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam dan pelaksanaan kursus di Jabatan Agama Islam Negeri serta dapat membantu suami isteri untuk membina sebuah keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah.

Kata kunci: Pembangunan, Instrumen, Keberkesanan, Kursus, Pasca-Perkahwinan.

PENDAHULUAN

Media massa seringkali memaparkan berita-berita konflik dalam hubungan suami isteri yang membimbangkan. Lebih parah lagi, konflik yang timbul telah berakhir dengan jenayah sehingga mengorbankan nyawa pasangan.

Di Malaysia, terdapat tiga kes suami disyaki membunuh isteri dan semua peristiwa tersebut berlaku dalam tempoh hanya kira-kira sebulan. Tiga kes terbabit masing-masing berlaku di Sabah, Terengganu dan Perlis. Kejadian terbaharu pada 8 April lalu apabila seorang lelaki dipercayai menikam isterinya sehingga mati di Kota Kinabalu kerana bermotifkan cemburu. Terdapat juga kes seorang wanita maut dipukul suami dengan tukul besi di Dungun, Terengganu yang disyaki berpunca daripada masalah kewangan dan kes seorang suri rumah maut ditembak suami yang merupakan anggota polis berpangkat Lans Koperat di Simpang Empat, Perlis pada 5 Mac 2023. Selain daripada kes pembunuhan, kes perceraian juga berada pada tahap yang membimbangkan. Menurut Peguam Syarie, Nurul Syafawani Rahim, statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merekodkan pada tahun 2021 sahaja, sejumlah 45,420 kes perceraian dalam kalangan umat Islam telah didaftarkan di negara ini. Antara faktor-faktor tertinggi berlakunya perceraian ialah kes curang sama ada dari pihak suami atau isteri, pengabaian nafkah zahir dan batin, masalah komunikasi, masalah kewangan, lemah didikan agama dan sebagainya.

Hal tersebut membuktikan bahawa berlaku konflik perhubungan suami isteri iaitu berlakunya pengabaian kepada pergaulan suami isteri yang digariskan Islam iaitu prinsip *mu'asharah bil ma'ruf*. Pengabaian kepada prinsip ini telah menjadi penyebab berangkai kepada berlakunya pelbagai masalah yang lebih besar dalam masyarakat seperti keganasan rumah tangga, perceraian dan pembunuhan.

Rentetan itu, suatu modul khusus untuk pasangan suami isteri telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertujuan untuk mengukuhkan hubungan suami isteri dan mengurangkan kes perceraian. Manakala kursusnya iaitu kursus pasca perkahwinan Islam telah dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Kursus ini secara rasminya mula dijalankan pada tahun 2016 kepada pasangan suami isteri yang terdiri daripada empat fasa perkahwinan iaitu fasa Bulan Madu (lima tahun awal perkahwinan), fasa Sehati Sejiwa (6 hingga 10 tahun perkahwinan), fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun perkahwinan) dan akhir sekali fasa Syurga Cinta (21 tahun dan ke atas) (JAKIM, 2015).

Justeru kursus yang dibuat mestilah mengandungi elemen yang sejahtera dalam melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran agar kursus berjalan dengan lancar dan sistematik. Hal ini bagi memastikan kursus tersebut mampu memberi kesan positif kepada pasangan suami isteri. Untuk memastikan keberkesanan kursus, perlu dilihat secara menyeluruh dari pelbagai aspek seperti aspek proses, kandungan, input, pembelajaran, tingkah laku dan hasil.

Menurut Tyler (1950), penilaian adalah satu proses menentukan sejauh manakah objektif sesuatu program dapat dicapai. Pandangan tersebut juga disokong Suchman (1967) yang menyatakan bahawa penilaian adalah suatu usaha untuk mengenal pasti sama ada sesuatu program yang dijalankan dalam sesebuah organisasi atau institusi berjaya mencapai matlamat dan objektifnya. Ghazali Darussalam (2010) menyatakan bahawa setiap program yang diimplementasikan oleh setiap institusi dan organisasi harus dinilai selepas pelaksanaan suatu kohort. Penilaian yang dibuat akan membantu sesebuah institusi menilai semula objektif dan matlamat program yang dijalankan. Institusi boleh merumuskan adakah sesuatu program harus diteruskan, diperbaiki atau terus ditamatkan pelaksanaannya. Melalui dapatan penilaian, semua pihak sama ada penggubal modul bersepadu pasca perkahwinan Islam iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pelaksana kursus pasca perkahwinan Islam iaitu Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) atau selainnya dapat menilai semula peranan dan fungsi mereka yang sebenar.

Oleh itu, penilaian mengenai keberkesanan kursus adalah perlu untuk dijalankan bagi mengenal pasti sama ada kursus tersebut mencapai matlamat atau objektif pelaksanaannya serta mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dan seterusnya akan dapat meningkatkan lagi kualiti kursus yang akan dibuat pada masa akan datang.

Pelbagai jenis instrumen kajian berkenaan kursus telah dijalankan oleh penyelidik lepas, sama ada untuk tujuan keberkesanan kursus pra perkahwinan atau kursus keluarga bahagia. Kebanyakan pengkaji seperti Anisia Kumala Masyhadi dan Yulistin Tresnawaty (2019), Rano Mal Piryani et al. (2018), Aljawharah Alsalamah dan Carol Callinan (2021), Rosman Md Yusoff et al. (2011) dan Philip G. Monroe (2009) membangunkan instrumen tentang hubungan suami isteri dan keluarga bahagia tetapi tidak dikhususkan tentang keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam yang disertai oleh pasangan suami isteri.

Manakala pemilihan instrumen kajian keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam adalah mengikut kepada keperluan dan matlamat kajian yang dijalankan. Keberkesanan dalam konteks kajian ialah hasil atau output daripada kursus pasca perkahwinan Islam fasa Bulan Madu yang diukur dari aspek reaksi, pembelajaran, perubahan tingkah laku dan hasil yang diadaptasi daripada model Kirkpatrick. Kesemua aspek keberkesanan ini diambil sebagai instrumen dalam soal selidik kajian. Bagi mengukuhkan instrumen, pengkaji telah menjalankan kajian rintis dan analisis deskriptif. Hasil analisis ini akan membuktikan tahap kebolehpercayaan soal selidik sebagai instrumen dalam kajian.

Oleh yang demikian, satu instrumen perlu dibangunkan untuk membantu para pengkaji dalam mengukur tahap keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam melalui pelaksanaan kaedah, pendekatan atau modul yang dibangunkan. Justeru, pengkaji membangunkan instrumen keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam dan seterusnya menentukan kesahan dan kebolehpercayaan bagi memastikan instrumen ini boleh digunakan di lapangan sebenar dan panduan kepada para pengkaji yang ingin mengkaji tentang hubungan suami isteri.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini tertumpu kepada aspek pembinaan instrumen. Analisis kebolehpercayaan juga dilakukan bagi melihat sejauhmana instrumen yang dibangunkan memberi kefahaman kepada responden dalam kajian rintis.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan reka bentuk keratan rentas (*cross-sectional design*) iaitu kajian yang melibatkan pengumpulan data sekali sahaja dalam suatu tempoh tertentu (Uma Sekaran, 2003). Kajian ini memerlukan kepada edaran soal selidik sekali sahaja kepada peserta kursus pasca perkahwinan Islam (Fasa Bulan Madu) setelah menyertai kursus tersebut dari tahun 2016, 2017 dan 2019. Kaedah ini dipilih kerana ia bertujuan untuk meninjau persepsi peserta terhadap kursus yang diberikan dari aspek reaksi, aspek pembelajaran, aspek tingkah laku dan aspek hasil.

Pengkaji mengedarkan soal selidik secara atas talian melalui aplikasi *Google Form*. Edaran soal selidik dilakukan secara atas talian atas faktor situasi pandemik COVID 19 yang membataskan pergerakan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Lokasi dan Skop Kajian

Kajian rintis dijalankan di Negeri Selangor. Justifikasi pemilihan Negeri Selangor sebagai lokasi kajian kerana Negeri Selangor telah konsisten melaksanakan Kursus Pasca Perkahwinan Islam sejak tahun 2016 dan statistik pendaftaran penceraian mahkamah syariah seluruh Malaysia menunjukkan Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes penceraian paling tinggi di Malaysia (Portal Data Terbuka Malaysia, 2019).

Skop kajian ini terhad kepada peserta kursus pasca perkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pengkaji mengedarkan soal selidik secara dalam talian kepada peserta kursus pasca perkahwinan Islam yang melibatkan fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun perkahwinan) dan fasa Syurga Cinta (21 tahun dan ke atas). Data kajian rintis telah diperoleh daripada JAIS.

Responden Kajian

Semasa menjalankan kajian rintis, pengkaji telah mengedarkan soal selidik menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Teknik persampelan ini menunjukkan semua responden tidak mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian atau pengkaji memilih subjek daripada populasi berdasarkan ciri-ciri tertentu (Chan Yan Piaw, 2014).

Walau bagaimanapun, peserta kursus (Fasa Bulan Madu) yang akan dijadikan sebagai sampel dalam kajian tidak dijadikan sebagai responden dalam kajian rintis. Hal ini kerana kajian rintis perlu dilakukan ke atas individu yang tidak akan menjadi responden sebenar dalam kajian (Babbie, 2002). Responden dalam kajian rintis mestilah terdiri daripada responden yang mempunyai ciri persamaan yang tinggi dengan responden sebenar kajian (Hair et al., 2007). Pengkaji telah melakukan kajian rintis terhadap responden yang mempunyai ciri persamaan dengan responden kajian sebenar iaitu peserta kursus pasca perkahwinan Islam yang melibatkan Fasa Semarak Kasih dan Fasa Syurga Cinta. Seramai 22 orang responden telah menjawab soal selidik berkenaan.

PEMBANGUNAN INSTRUMEN

Beberapa langkah telah dijalankan sepanjang proses pembinaan instrumen kajian bermula daripada kajian literatur hingga pembentukan instrumen soal selidik. Langkah pertama, pengkaji telah meneliti kajian-kajian lepas khususnya model yang berkaitan. Hasil tersebut menunjukkan terdapat sebuah model yang sesuai digunakan sebagai asas dalam pembinaan instrumen kajian untuk mengkaji keberkesanan kursus iaitu Model Kirkpatrick. Semasa fasa pembangunan item dan pembolehubah kajian, pengkaji merujuk kepada beberapa tesis yang menjalankan kajian keberkesanan kursus perkahwinan iaitu kajian Rosman Md. Yusoff et al. (2011) yang mengkaji tentang keberkesanan pelaksanaan program modul keluarga sakinah di Negeri Johor dan kajian Mohd Fuad Mat Jali dan Fakul Razi Yusof (2007) mengenai modul keluarga sakinah: metod amalan dan keberkesanannya. Beberapa jurnal yang berkaitan juga dirujuk seperti kajian Anisia Kumala Masyhadi dan Yulistin Tresnawaty (2019), kajian Rosman Md Yusoff et al. (2011), Rano Mal Piryani et al. (2018), Aljawharah Alsalamah dan Carol Callinan (2021) dan Philip G. Monroe (2009).

Item dan pembolehubah yang dibangunkan adalah menggunakan pendekatan adaptasi daripada instrumen dan sokongan kajian-kajian lepas yang telah dibuktikan secara empirikal. Akhir sekali terdapat empat pembolehubah yang telah dibangunkan untuk mengukur keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam iaitu pembolehubah reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil yang diadaptasi daripada Model Kirkpatrick.

Langkah kedua, pengkaji juga turut melakukan perbincangan instrumen soal selidik bersama para penyelia. Setiap pembolehubah menggunakan skala likert tujuh mata (rujuk Jadual 1.1) sebagai pengukuran dalam kajian.

Skala	Penerangan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Agak Tidak Setuju
4	Tidak pasti
5	Agak Setuju
6	Setuju
7	Sangat Setuju

Jadual 1.1: Skor penilaian skala Likert

Pembolehubah	Jumlah Item
Demografi Responden	8
Tahap Reaksi Elemen: Penyampaian Penceramah	5
Kandungan Modul	5
Pengurusan Kursus	4
Tahap Pembelajaran Elemen: Pengetahuan dan Kemahiran Asas	4
Tahap Tingkah Laku Elemen: Penyesuaian Perkahwinan melalui Nilai-Nilai Agama	4
Cinta dan Kasih Sayang	5
Hubungan Intim	8
Pergaulan Baik	27
Tahap Hasil Elemen: Pencapaian Organisasi	4

Jadual 1.2: Jumlah item berdasarkan pembolehubah dalam instrumen kajian

PENGESAHAN INSTRUMEN

Pengesahan instrumen dilakukan menerusi lima tahap iaitu tahap semakan pakar, ubah suai dan baiki item, kajian rintis, analisis kesahan dan pekali kebolehppercayaan. Keseluruhan langkah-langkah pengesahan instrumen dibincangkan dalam tahap-tahap berikut:

Tahap 1: Semakan Pakar

Pakar yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini ialah pensyarah universiti. Dua orang pakar terlibat pada tahap ini. Tujuan semakan pakar adalah untuk mendapatkan maklum balas berkenaan dengan pemilihan konsep soalan, laras bahasa dan kesesuaian bentuk soalan bagi setiap pembolehubah.

Pengkaji juga sentiasa peka dengan saranan pakar berkenaan pembinaan instrumen iaitu kefahaman dan bahasa, skala dan ketepatan dalam soal selidik bagi mengurangkan masalah bias (Mohd Najib, 2003; Hair et al., 2007)

Tahap 2: Ubah Suai dan Baiki Item

Setelah semakan pakar dilakukan, pengkaji memperbaiki dan mengubah suai item dengan merujuk kepada maklum balas pakar. Item yang dibaiki merangkumi pertukaran ayat negatif kepada ayat positif, laras dan kesesuaian bahasa serta item yang dibuang.

Tahap 3: Kajian Rintis

Tujuan utama kajian rintis adalah untuk menguji instrumen dan memastikan tahap kebolehpercayaan item diperolehi dalam soal selidik secara tepat. Ini adalah berdasarkan pandangan Mohd Najib (2003) bahawa kajian rintis perlu dilakukan sekiranya instrumen menggunakan proses adaptasi daripada instrumen pengkaji lepas. Selain itu, kajian rintis bertujuan untuk memastikan bahawa instrumen boleh difahami oleh responden yang mempunyai ciri persamaan dengan responden sebenar.

Penjelasan berkenaan julat nilai alpha untuk analisis kajian rintis telah dijelaskan dan digunakan dalam kajian-kajian lepas. Julat nilai alpha perlu menghampiri nilai 1.00 kerana ia menunjukkan instrumen berada dalam keadaan yang sangat baik (Chua, 2006). Walau bagaimanapun, Hair et al. (2007) mencadangkan supaya item tersebut digugurkan sekiranya ia menyebabkan nilai alpha dalam kajian rintis berada dalam julat kurang daripada 0.6. Namun, Babbie (2002) pula menjelaskan, walaupun nilai alpha kurang daripada 0.6 namun ia masih boleh digunakan sekiranya nilai keseluruhan dalam elemen melebihi 0.8. Semua andaian ini akan dirujuk dan dipenuhi oleh pengkaji supaya pembinaan instrumen ini tepat dan memenuhi kebolehpercayaan dalam kajian.

Setelah item disemak oleh pakar, diubah suai dan dibaiki, pengkaji melakukan kajian rintis terhadap 22 peserta kursus pasca perkahwinan Islam yang mewakili Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun dan ke atas).

Dalam kajian rintis, peserta diminta menjawab soal selidik bagi menilai keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam yang terdiri daripada demografi responden dan empat pembolehubah untuk menilai keberkesanan kursus yang terdiri daripada pembolehubah reaksi, pembolehubah pembelajaran, pembolehubah tingkah laku dan pembolehubah hasil.

Tahap 4: Kesahan dan Pekali Kebolehpercayaan

Pada tahap ini, kesahan dan pekali kebolehpercayaan dibuat bagi menentukan sama ada instrumen layak diguna pakai bagi mengkaji keberkesanan kursus tersebut. Pengiraan kesahan dan pekali kebolehpercayaan instrumen melibatkan pengiraan purata alpha Cronbach. Nilai Alpha Cronbach yang diambilkira merujuk kepada nilai pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima iaitu melebihi 0.6 (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Jadual 3.1 berikut merupakan pekali kebolehpercayaan untuk setiap pembolehubah.


Bahagian/Pembolehubah	Elemen	Pekali Alpha α (Correlation coefficient cronbach alpha)
Bahagian B Tahap Reaksi	Penyampaian Kursus	.898
	Kandungan Modul	.970
	Pengurusan Kursus	.912
Bahagian C Tahap Pembelajaran	Pengetahuan dan Kemahiran Asas	.924
Bahagian D Tahap Tingkah Laku	Penyesuaian Perkahwinan melalui Nilai-Nilai Agama	.921
	Cinta dan Kasih Sayang	.832
	Hubungan Intim	.612
	Pergaulan Baik	.892
Bahagian E Tahap Hasil	Pencapaian Organisasi	.974
	Nilai keseluruhan Cronbach Alpha	.871

Jadual 1.3 Pekali Kebolehpercayaan Setiap Pembolehubah

Tahap 5: Pembinaan Instrumen Tahap Akhir

Pada langkah ini, instrumen sebenar dibentuk berpandukan kepada penambahbaikan daripada semakan pakar dan hasil dapatan kajian rintis. Instrumen tahap akhir ini merangkumi item soal selidik berkaitan empat pembolehubah utama iaitu pembolehubah reaksi, pembolehubah pembelajaran, pembolehubah tingkah laku dan pembolehubah hasil untuk menguji keberkesanan kursus.

Rajah 1.1 berikut menunjukkan carta aliran sistematik metodologi pembangunan instrumen keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam.



Rajah 1.1

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini telah menghasilkan instrumen bagi mengkaji keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam dalam kalangan suami isteri. Beberapa langkah telah dijalankan oleh pengkaji untuk melihat item yang sesuai semasa proses pembangunan item kajian. Hasil kesahan kandungan menghasilkan empat pembolehubah dalam instrumen.

Empat pembolehubah tersebut adalah pembolehubah reaksi, pembolehubah pembelajaran, pembolehubah tingkah laku dan pembolehubah hasil. Bagi pembolehubah reaksi, terdapat tiga elemen iaitu penyampaian penceramah, kandungan modul dan pengurusan kursus. Elemen bagi pembolehubah pembelajaran pula adalah pengetahuan dan kemahiran asas. Pembolehubah tingkah laku terdiri daripada elemen penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama, cinta dan kasih sayang, hubungan intim serta pergaulan baik. Manakala elemen bagi pembolehubah hasil ialah pencapaian organisasi.

Bagi menghasilkan kajian ini, beberapa objektif kajian telah dibina. Pengkaji telah menggunakan *google form* sebagai medium untuk mendapatkan data kajian rintis. Lokasi dan skop kajian ini dijalankan di Negeri Selangor dalam kalangan pasangan suami isteri yang pernah menyertai kursus pasca perkahwinan Islam di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Peserta yang dijadikan responden dalam kajian rintis adalah Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun dan ke atas). Manakala responden dalam kajian sebenar adalah peserta kursus pasca perkahwinan Islam Fasa Bulan Madu (5 tahun awal perkahwinan).

Pengkaji telah merujuk kepada kajian-kajian lepas dalam pembentukan soal selidik berpandukan kepada soalan-soalan yang terdapat dalam kajian Anisia Kumala Masyhadi dan Yulistin Tresnawaty (2019), kajian Rosman Md Yusoff et al. (2011), Rano Mal Piryani et al. (2018), Aljawharah Alsalamah dan Carol Callinan (2021) dan Philip G. Monroe (2009). Terdapat soalan-soalan yang telah diubahsuai selaras dengan objektif dan kesesuaian kajian. Jenis dan bentuk soal selidik dalam kajian ini adalah soalan tertutup (*closed-ended questions*).

Dapatan kajian menunjukkan semua responden memberikan kerjasama yang baik. Ini adalah berdasarkan dapatan kajian rintis yang diperolehi adalah melebihi julat 0.6. Justeru, item-item adalah boleh digunakan. Dari segi demografi responden, pengkaji juga meletakkan lapan item yang berkaitan iaitu jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi, tahap pendidikan agama, tempoh perkahwinan, status pekerjaan, bilangan anak daripada perkahwinan terkini dan pendapatan. 3 item yang telah diubah iaitu tempoh perkahwinan, bilangan anak dan pendapatan. Bagi keempat-empat pembolehubah, hasil kajian menunjukkan nilai keseluruhan Cronbach Alpha bagi semua item adalah .871. Ini

menunjukkan instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Dapatan ini juga membuktikan responden yang mempunyai nilai homogen dengan responden sebenar adalah tepat dan memahami instrumen ini. Pandangan ini selari dengan Hair et al. (2007) iaitu tujuan utama kajian rintis adalah membangunkan kebolehpercayaan yang dibuktikan melalui kefahaman responden dalam kajian. Walaupun terdapat beberapa nilai yang kurang memuaskan, pengkaji mendapati item masih boleh digunakan dan dipercayai.

PENGHARGAAN

Penghargaan dirakamkan kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya di atas Geran Penyelidikan Khas (GKP) di bawah projek bertajuk, "Teori dan Realiti Hubungan Suami Isteri dalam Masyarakat Muslim di Malaysia: Kajian Keberkesanan Kursus Pasca Perkahwinan Islam UMG017L-2022"

RUJUKAN

Buku

- Chan Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. (2014). Selangor: Mc Graw Hill Education, Ed. 3, 253.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Penyelidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Modul Pascaperkahwinan Islam: Bulan Madu*. Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Uma Sekaran. (2003). *Research Methods For Business: A Skill-Building Approach*. United States of America. John Wiley & Sons, Inc. 135

Dokumen

- American Psychological Association. (2009). Marriage Checkup Questionnaire: Relationship Domains Assessment, November, 124.
- Philip G. Monroe, PsyD. (2009). Sex Therapy Assessment Questionnaire.

Jurnal

- Abdul Halim, Lilia Halim, T. Subahan Mohd Meerah & Kamisah Osman. (2010). Pembangunan Instrumen Penyelesaian Masalah Sains. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 35-39.
- Aljawharah Alsalamah & Carol Callinan. (2021). Adaptation of Kirkpatrick's Four-Level Model of Training Criteria to Evaluate Training Programmes for Head Teachers, *Educ. Sci* 11, 116.
- Angielyn Ilias & Siew Nyet Moi. 2022. International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 337-353.
- Anisia Kumala Masyhadi & Yulistin Tresnawaty. (2019). Keluarga Sakinah dan Konstruksi Alat Ukurnya. *Jurnal Ilmiah Penelitian*, 5(1), 33-44.
- Chai Wan Luen, Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah & Lee Bih Nih. (2021). Kemahiran Proses Sains Tahap Empat: Satu instrumen untuk Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Malaysian. *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(3), 134 – 145.
- Dayang Rafidah Syariff M.Fuad, Khalip Musa & Zahari Hashim. (2021). Reka bentuk dan Kesahan Instrumen Pengukuran Inovasi Organisasi Sekolah. *Management Research Journal*, 10, *Special Issue*, 119-131.
- Nor Shela Saleh, Khairunesa Isa, Muhaymin Hakim Abdullah, Sarala @ Thulasi Palpanadan & Hazila Kadir @ Sahar. (2022). Pembangunan dan Kebolehpercayaan Item Kesejahteraan Sekolah Rendah dalam Kalangan Murid, Guru dan Ibu Bapa. *Jurnal Psikologi Malaysia* 36 (1), 13- 28.

- Nur Farhana Ramli, Othman Talib, Siti Aishah Hassan & Umi Kalthom Abdul Manaf. (2020). Development and Validation of an Instrument to Measure STEM Teachers' Instructional Preparedness. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 16(3), 193-206.
- Rano Mal Piryani, Govinda Prasad Dhungana, Suneel Piryani & Mamata Sharma Neupane. (2018). Evaluation of Teachers Training Workshop at Kirkpatrick level 1 using Retro-Pre Questionnaire. *Advances in Medical Education and Practice*, 9, 453-457.
- Sarimah Binti Baco & Mohd. Zaki Bin Ishak. (2021). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Ungkapan Algebra Tingkatan Dua. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6 (11), 127-137.
- Siti Marhamah Kamarul Arifain, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Abdul Rahman Ahmad Badayai & Nurul-Azza Abdullah. (2021). Pembangunan Dan Penilaian Instrumen Nilai Sosial (Ins) Remaja. *Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi*, 6 (1), 1-21.
- Weitong Li, Yuan Zhu, Yujing Chen, Yalou Pu & Guihua Xu. (t.t). Instrument Development and Validation of the Comprehensive Ability of Older People Assessment scale, Nanjing University of Chinese Medicine. *Research Square*, 1-16
- Zuriani Hanim Zaini & Muhammad Izzat Mailis. (2021). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Kepimpinan Transformasional Guru Besar Di Sekolah. *Jurnal Ilmi*, 11, 70-80.

Laman Sesawang

Portal Data Terbuka Malaysia. Statistik Pendaftaran Penceraian Mahkamah Syariah Seluruh Maaysia. http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pendaftaran-penceraian-mahkamah-syariah-seluruh-malaysia (diakses pada 22 Mei 2023).

Tesis & Disertasi

- Jennifer A. Volsky. (1998). *Intimacy, Marital Satisfaction, and Sexual ity in Mature Couples*. Thesis for the Degree of Master of Arts at Concordia University Montreal, QuSbec, Canada.
- Mohd Fuad Mat Jali & Fakul Razi Yusof. (2007). *Modul Keluarga Sakinah: Metod, Amalan & Keberkesanannya*. Disertasi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rebeca Isabel Estrada. (t.t). *An Examination of Love and Marital Satisfaction in Long-term Marriages*. Dissertation for the Degree Doctor of Philosophy. Morgridge College of Education University of Denver
- Rosman Md Yusoff, Kassim Thukiman & Fadilah Ismail. (2011). *Analisis Keberkesanan Penggerak Program Modul Keluarga Sakinah Di Negeri Johor*. Disertasi Sarjana. Universiti Teknologi Mara.
- Rosman Md Yusoff, Kassim Thukiman & Fadilah Ismail. (2011). *Keberkesanan Pelaksanaan Program Modul Keluarga Sakinah Di Negeri Johor*. Disertasi, Universiti Teknologi Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.